

## **Jati diri bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN**

### **ABSTRAK**

Perkembangan pesat bahasa Melayu di ASEAN ini berasaskan tiga faktor utama, iaitu faktor migrasi, perdagangan dan penyebaran agama Islam. Perkembangan bahasa Melayu juga berkait rapat dengan sejarah bahasa itu yang pernah mengalami masa kegemilangannya, dan penutur jatinya yang mampu berdaya saing dalam menangani arus globalisasi. Kesamaan beberapa aspek bahasa dan budaya juga dapat membantu memperkasakan bahasa Melayu, khususnya dari aspek politik, ekonomi dan sosiobudaya. Untuk memperkuat, merealisasikan dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN, pelbagai jalinan kerjasama serantau telah diperhebat, khususnya dalam perancangan taraf dan perancangan korpus. Antara yang memainkan peranan penting ke arah itu ialah Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM), Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM), Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA), Jaringan Pustaka dan Forum Kerjasama Penerbitan Serantau (FOKEPS), dan lain lagi. Jalinan kerjasama serantau ini, jika diusahakan dengan tekun dan sistematik, dapat menjatidirikan bahasa Melayu ke martabat yang tinggi.

**Keyword:** Malay language development; History of Malay language; Language and culture; Identity of the Malay language